



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**PERSIDANGAN TANAH PERSEKUTUAN
SEMPENA
SAMBUTAN HARI TANAH NEGARA KE-7 TAHUN 2023**

**TARIKH:
03 OGOS 2023 (KHAMIS)**

**MASA:
3:45 PETANG**

LOKASI:

**DEWAN SERI SARIANTAN,
PERBADANAN PUTRAJAYA, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu dan Salam Malaysia Madani.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali,
Ketua Setiausaha Negara**

YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato' Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

**YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

**Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Pengarah-Pengarah Tanah dan
Galian Negeri serta wakil-wakil agensi**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri, Datuk/ Dato' dan hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara di atas kesudian untuk hadir ke Persidangan Tanah Persekutuan bersempena Sambutan Hari Tanah Negara Ke-7 Tahun 2023 yang dianjurkan oleh NRECC menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) pada hari ini dan seterusnya menyampaikan ucaptama kepada warga pentadbiran tanah yang hadir sebagai peserta persidangan.

2. Majlis pada hari ini mengingatkan saya kepada seorang pegawai berkaliber yang menjadi tonggak utama kepada Sambutan HTN pada setiap tahun. Pegawai yang saya maksudkan ini ialah **Allahyarham Tuan Azman bin Mamat**, mantan Timbalan Ketua

Pengarah Tanah Galian (Sektor Kemajuan Pengurusan & Perundangan), JKPTG.

3. Oleh itu, saya mengajak semua hadirin yang beragama Islam untuk membacakan Surah Al-Fatiyah kepada Allahyarham yang telah kembali ke rahmatullah pada **25 September 2022** yang lalu. Hadirin yang bukan beragama Islam dijemput untuk sama-sama berdoa mengikut cara masing-masing. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T dan ditempatkan bersama-sama orang beriman serta beramal soleh. **Al-Fatiyah.**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri, Datuk/ Dato' dan hadirin sekalian,

4. Seperti yang kita sedia maklum, Hari Tanah Negara (HTN) disambut pada tanggal 27 Julai setiap tahun bagi menghargai sumbangan warga pentadbiran tanah kepada pembangunan ekonomi negara. Tema Sambutan HTN 2023 pada tahun ini ialah, "**Pentadbiran Tanah Pemacu Kemakmuran Malaysia Madani**". Tema ini menggambarkan peranan warga pentadbiran tanah sebagai tunjang kepada agenda pembangunan negara.
5. JKPTG merupakan sebuah jabatan di bawah seliaan NRECC yang melaksanakan dua fungsi utama iaitu selaku Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Kedua-dua tugas ini memerlukan peranan yang efektif bagi memastikan ketersediaan tanah untuk projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan selaras dengan perundangan semasa.
6. Pada masa ini, **PTP memegang rekod tanah sebanyak 39 ribu lot berkeluasan kira-kira 270 ribu hektar**. Dengan rekod tersebut,

adalah menjadi obligasi kepada PTP untuk membayar cukai-cukai tanah Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Pada tahun 2023, jumlah peruntukan daripada MOF sebanyak **RM250 juta** adalah tidak mencukupi berbanding keperluan bayaran cukai tahun semasa sebanyak **RM343.5 juta**. Peningkatan keluasan tanah PTP, semakan kadar cukai tanah oleh Pihak-Pihak Berkuasa Negeri dan pengenaan denda lewat menyumbang kepada peningkatan kadar cukai tanah Persekutuan tahun semasa.

7. Di atas kesedaran terhadap fakta yang dinyatakan ini, NRECC menerusi JKPTG buat julung kalinya menganjurkan Persidangan Tanah Persekutuan sebagai platform libat urus dan juga komunikasi dua hala antara PTP dengan KJP serta semua pihak-pihak berkepentingan. Semasa Perasmian Hari Tanah Negara sempena sambutan Hari Tanah Negara Ke-7 2023 yang diadakan pada malam tadi, dokumen dasar, "**Hala Tuju Baharu Pengurusan Tanah Persekutuan 2021-2030 (HTPTP 2021-2030)**" telah pun dilancarkan secara rasmi oleh YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).
8. Saya ingin mengajak semua pihak berkepentingan terutamanya KJP untuk sama-sama menghayati objektif dan teras yang digariskan di dalam buku HTPTP 2021-2030. Buku ini adalah dokumen yang menggariskan tata kelola serta amalan baik (*best practices*) yang harus dijadikan panduan utama oleh KJP dalam pengurusan tanah Persekutuan.
9. Kementerian ini berharap buku Hala Tuju Pengurusan Tanah Persekutuan 2021 – 2030 dapat dijadikan sebagai sumber rujukan

utama oleh semua agensi dan pihak berkepentingan dalam menguruskan tanah Persekutuan. Dasar baharu berkaitan tanah Persekutuan ini adalah pemangkin (*catalyst*) bagi melancarkan lagi pembangunan negara, meningkatkan hasil dan mengoptimumkan penggunaan tanah Persekutuan. NRECC menyambut baik kerjasama daripada semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan terutamanya KJP serta pentadbiran tanah negeri dalam memastikan matlamat ini dapat dicapai.

10. Selain daripada dasar berkaitan tanah Persekutuan tersebut, persidangan yang telah diadakan pada hari ini turut memberi fokus kepada pembentangan beberapa kertas lain iaitu perancangan perolehan bagi projek persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, kaedah penilaian bagi perolehan dan transaksi tanah Persekutuan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan isu tanah serahan pemaju. Saya berharap persidangan yang telah diadakan pada hari ini dapat meningkatkan pengetahuan serta memberi perspektif baharu kepada para peserta dalam aspek pengurusan tanah Persekutuan.

PENUTUP

YBhg. Tan Sri Dato' Seri, Datuk/ Dato' dan hadirin sekalian,

11. Saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kehadiran YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara serta dif-dif jemputan ke persidangan yang diadakan pada hari ini.

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Selamat Hari Tanah Negara” kepada warga pentadbiran tanah di seluruh Malaysia. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

-TAMAT-